

**TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN
SEMPENA HARI KO-KURIKULUM KEMERDEKAAN KUKUM 2004 PADA 18
SEPTEMBER 2004 DI PADANG BANDARAN KANGAR.**

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAH HIWABARAKATUH DAN
SELAMAT SEJAHTERA

YANG DIHORMATI SAUDARA/SAUDARI PENGACARA MAJLIS

YANG BERUSAHA PROFESOR MADYA ZALIMAN SAULI, DEKAN PUSAT
KEMAHIRAN, KOMUNIKASI DAN KEUSAHAWANA MERANGKAP PENERUS
HARI KO-KURIKULUM KEMERDEKAAN KUKUM 2004

PEGAWAI-PEGAWAI UTAMA

DEKAN-DEKAN DAN KETUA-KETUA JABATAN

WARGA KERJA DAN MAHASISWA/I KUKUM

PARA PESERTA PROGRAM HARI KOKURIKULUM

GURU-GURU DAN PELAJAR-PELAJAR SEKOLAH

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIMULIAKAN

BERSYUKUR KITA KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WA TAALA KERANA
DENGAN LIMPAH DAN KURNIA-NYA KITA DAPAT BERKUMPUL BAGI
MENJAYAKAN PROGRAM HARI KO-KURIKULUM KEMERDEKAAN YANG
JUGA MERUPAKAN SALAH SATU PROGRAM YANG TELAH DICATATKAN
DALAM KELENDAR AKTIVITI KUKUM SEPANJANG BULAN KEMERDEKAAN
2004 INI.

TERLEBIH DAHULU IZINKAN SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK
MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA YANG
AMAT BERHORMAT DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM, MENTERI BESAR
PERLIS ATAS KESUDIAN BELIAU UNTUK MERASMIKAN HARI KO-

KURIKULUM KEMERDEKAAN KUKUM INI. KEHADIRAN YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI AMAT BERMAKNA KEPADA KAMI WARGA KUKUM KERANA DALAM KESIBUKAN MENJALANKAN TUGAS, YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MASIH ADA RUANG DAN WAKTU UNTUK TUJUAN INI.

BAGI KAMI, INI MENUNJUKKAN SOKONGAN DAN KEPRIHATINAN BELIAU TERHADAP USAHA DAN PERANCANGAN YANG DIJALANKAN OLEH PIHAK KUKUM DALAM USAHA MELAKSANAKAN AMANAH KERAJAAN DALAM MENDIDIK ANAK BANGSA. DAN JUGA UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA PARA TETAMU YANG HADIR PADA PAGI INI.

SESUNGGUHNYA PROGRAM HARI KOKURIKULUM KEMERDEKAAN 2004 INI DIADAKAN DENGAN OBJEKTIF UNTUK MENDEKATKAN PELAJAR DAN STAF DENGAN SEBARANG AKTIVITI KECERGASAN YANG DIANJURKAN OLEH KUKUM DI SAMPING MENYEMARAKKAN LAGI AKTIVITI-AKTIVITI KEMERDEKAAN YANG DIADAKAN DI PERINGKAT KUKUM.

DENGAN ADANYA PELBAGAI AKTIVITI YANG DIANJURKAN OLEH KUKUM INI DIHARAP DAPAT TURUT SAMA DIRASAI OLEH MASYARAKAT LUAR AGAR KERJASAMA YANG TELAH SEDIA ADA ANTARA KUKUM DENGAN MASYARAKAT LUAR AKAN DAPAT DIERATKAN LAGI.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

JIKA KITA TOLEH SEJENAK KE BELAKANG, PADA DETIK-DETIK AWAL PENUBUHAN KUKUM, HANYA TERDAPAT DUA BUAH PUSAT PENGAJIAN YANG MENAWARKAN DUA PROGRAM SAHAJA IAITU PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN MIKROELEKTRONIK DAN PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN KOMPUTER DAN PERHUBUNGAN DENGAN PELAJAR SULUNGNYA SERAMAI 116 PELAJAR.

NAMUN SETELAH HAMPIR MENJANGKAU TIGA TAHUN BERTAPAK DI NEGERI PERLIS INI, KUKUM TELAH BERJAYA MENGEMBANGKAN SAYAPNYA BAGI MEMBANGUNKAN SEBUAH GAPURA ILMU YANG MANA STRUKTUR KURIKULUMNYA DISUSUN DENGAN BERKONSEPKAN LATIHAN SECARA HANDS-ON IAITU PENEKANAN KEMAHIRAN DENGAN PENGETAHUAN DALAM BIDANG KEJURUTERAAN.

DI SAMPING ITU SATU ASPEK YANG PENTING, KO-KURIKULUM YANG DISEDIAKAN DI KUKUM TELAH DIREKA BENTUK AGAR SEIMBANG DENGAN FALSAFAH UNIVERSITI INI SENDIRI IAITU UNTUK MELAHIRKAN GRADUAN-GRADUAN YANG MEMPUYAI SIKAP YANG MULIA DAN TERPUJI. ASPEK-ASPEK PEMBANGUNAN SAHSIAH DAN JATI DIRI DISEIMBANGKAN DENGAN KECEMERLANGAN AKADEMIK.

OLEH ITU SETIAP PELAJAR DIWAJIBKAN MENGAMBIL KURSUS-KURSUS SEPERTI KEMAHIRAN KOMUNIKASI, KEUSAHAWANAN, TAMADUAN ISLAM DAN ASIA SERTA SUBJEK-SUBJEK KO-KURIKULUM.

SELARAS DENGAN FALSAFAH UNIVERSITI INI YANG MEMENTINGKAN PEMBANGUNAN SAHSIAH DI SAMPING KECEMERLANGAN AKADEMIK, PELBAGAI KURSUS KO-KURIKULUM DITAWARKAN. SETAKAT INI KUKUM TELAH BERJAYA MENAWARKAN 12 SUBJEK KO-KURIKULUM YANG SESETENGAH DARIPADANYA MUNGKIN TIDAK DITAWARKAN OLEH IPTA-IPTA YANG LAIN SEPERTI KAYAK, TAEKWAN-DO, SILAT CEKAK, PETANQUE, BOLING PADANG, GAMELAN, BADMINTON, RAGBI, HOKI, MEMANAH, KHIDMAT MASYARAKAT SERTA DRAMA DAN PEMENTASAN TEATER.

KURSUS KO-KURIKULUM INI MEMPUYAI TIGA UNIT KREDIT YANG WAJIB DIAMBIL OLEH PELAJAR SEPANJANG PENGAJIAN DI KUKUM BAGI

MELENGKAPKAN KEPERLUAN PEMBANGUNAN SAHSIAH DI SAMPING BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN PENGIJAZAHAN PELAJAR.

DENGAN ADANYA PENAWARAN SUBJEK-SUBJEK KO-KURIKULUM INI DI KUKUM, MENCERMINKAN KEPADA KITA BETAPA SERIUSNYA KOMITMEN KUKUM DALAM MELAHIRKAN GRADUAN-GRADUAN YANG BUKAN SAHAJA CEMERLANG DALAM AKADEMIK DAN CEKAP DALAM BIDANG KEJURUTERAAN, MALAHAN BERKEBOLEHAN DALAM BIDANG KO-KURIKULUM DAN SEMUA ASPEK PEMBANGUNAN SAHSIAH DAN JATI DIRI.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

WALAUPUN SUDAH 47 TAHUN KITA MERDEKA, NAMUN DI SINILAH TERCITRANYA TUGAS KITA SEBAGAI RAKYAT MALAYSIA UNTUK TURUT SERTA MEMBANGKITKAN LAGI DAN MENANAM SEMANGAT KEMERDEKAAN YANG TELAH DIPERJUANGKAN OLEH PARA PEJUANG KITA.

KEMERDEKAAN INI TIDAK AKAN MEMBAWA MAKNA APA-APA SELAGI GENERASI MUDA KITA MASIH LEKA DIBUAI ANGIN KEMERDEKAAN DI KAKI-KAKI LIMA KOMPLEKS MEMBELI-BELAH. MAKA ATAS KESEDARAN INILAH DAN SEIRINGAN DENGAN MATLAMAT KUKUM UNTUK MELAHIRKAN GRADUAN YANG BERKUALITI, BERDAYA SAING, DAN BERUPAYA UNTUK TERUS MAJU MELALUI PEMBELAJARAN YANG BERTERUSAN KUKUM TELAH MELETAKKAN STRATEGI UNTUK MEMANTAPKAN AKTIVITI KO-KURIKULUM YANG DAPAT MENGHASILKAN GRADUAN YANG BERKETERAMPILAN DAN SERBA BOLEH DENGAN MEMPELBAGAIKAN SUBJEK-SUBJEK KOKURIKULUM YANG SEDIA ADA.

JIKA DI AWAL PENUBUHANNYA HANYA SUBJEK-SUBJEK SEPERTI SILAT CEKAK, TEAKWAN-DO, PETANQUE DAN BAOLING PADANG SAHAJA DITAWARKAN, KINI TERDAPAT HAMPIR 12 SUBJEK KO-KURIKULUM DITAWARKAN DENGAN JURULATIH-JURULATIH YANG BERTAULIAH.

DENGAN ADANYA PENGLIBATAN PELAJAR DALAM AKTIVITI-AKTIVITI KO-KURIKULUM SEUMPAMA INI, TIDAK MUSTAHIL KUKUM AKAN DAPAT MELAHIRKAN BAKAL-BAKAL ATLET YANG DAPAT MENGUNGGULI BIDANG SUKAN SAMA ADA DI PERINGKAT IPTA, MAHU PUN DI PERINGKAT NASIONAL.

HADIRIN-HADIRAT SEKALIAN,

SEMEMANGNYA MENJADI HASRAT KUKUM MENGGALAKKAN PELAJAR BERUSAHA UNTUK MENCAPAI KECEMERLANGAN DALAM APA SAHAJA BIDANG, BUKAN SAHAJA DALAM BIDANG AKADEMIK TETAPI JUGA DALAM BIDANG KO-KURIKULUM. UNTUK BERJAYA DALAM KEDUA-DUA BIDANG SEKALI GUS, MEMERLUKAN KEKUATAN DAN KOMITMEN YANG SANGAT TINGGI.

FAKTOR-FAKTOR DALAMAN SEPERTI KEKUATAN DAYA TAHAN DIRI, DISIPLIN , PENGURUSAN DIRI DAN MASA YANG BAIK, SIFAT TIDAK PUTUS ASA DAN APA SAHAJA SIKAP POSITIF SEHARUSNYA SEBATI DALAM DIRI KITA. FAKTOR LUARAN SEPERTI GALAKAN, DORONGAN DAN INSENTIF JUGA TIDAK KURANG PENTING DALAM MEMAINKAN PERANAN TAMBAHAN KE ARAH PENCAPAIAN KECEMERLANGAN TERSEBUT.

SAYA BERPENDAPAT, JIKA KEDUA-DUA FAKTOR TERSEBUT JIKA DAPAT KITA GEMBLENG BERSAMA, KECEMERLANGAN PELAJAR KUKUM AKAN MENJADI REALITI.

DALAM MENGHARUNGI CABARAN DUNIA GLOBALISASI KINI KECEMERLANGAN DALAM AKADEMIK SAHAJA TIDAK AKAN MAMPU MEMBAWA KEJAYAAN YANG BENAR-BENAR CEMERLANG DALAM KEHIDUPAN. APATAH LAGI DENGAN BIDANG KEJURUTERAAN YANG DIKUTI OLEH PELAJAR KINI JELAS MENUNJUKKAN BAHAWA KEKUATAN TIDAK HANYA TERCITRA DARI SEGI KECERDASAN MENTAL SAHAJA MALAHAN KEKUATAN FIZIKAL JUGA AMAT PENTING.

TANPA KECERDASAN FIZIKAL MANA MUNGKIN PARA MAHASISWA SEKALIAN DAPAT MENGIKUTI SESI PEMBELAJARAN DENGAN SEMPURNA DAN BERKUALITI. APATAH LAGI UNTUK BERGELAR JURUTERA SUATU MASA NANTI. OLEH ITU KITA DI KUKUM MENGHARAPKAN AGAR PARA MAHASISWA/I YANG BAKAL DILAHIRKAN OLEH KUKUM INI AKAN DAPAT MENERJAH ARUS GELOMBANG DAN CABARAN DALAM DUNIA GLOBALISASI KINI DENGAN GAHNYA.

BERKUALITI DARI SEGI AKADEMIK DAN HEBAT DENGAN PEMBANGUNAN SAHSIAH DIRI DAN INI AMAT BERSEBUAIAN DENGAN MOTO KAMI DI KUKUM ILMU, KEIKHLASAN DAN KECEMERLANGAN. BERDASARKAN FALSAFAH DI SEBALIK PENUBUHAN UNIVERSITI INI JUGA SAYA AMAT PERCAYA PARA MAHASISWA KUKUM DAPAT MEREALISASIKANNYA.

AKHIR KATA SAYA INGIN MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH SEKALI LAGI KEPADA SEMUA YANG HADIR BAGI MEMERIAHKAN LAGI PROGRAM HARI KO-KURIKULUM

KEMERDEKAAN PADA PAGI INI. SEMOGA DENGAN ADANYA PROGRAM SEPERTI INI AKAN DAPAT MELAHIRKAN GENERASI PELAJAR YANG SIHAT DARI SEGI SAHSIAH DAN JATI DIRI SEBAGAI RAKYAT MALAYSIA YANG BERMARUAH, BERAKHLAK MULIA DAN TERPUJI SERTA SENTIASA BERDAYA SAING DAN BERUSAHA UNTUK TERUS BELAJAR DENGAN LEBIH BERSEMANGAT LAGI.

TIDAK KETINGGALAN JUGA TERIMA KASIH KEPADA AHLI JAWATANKUASA PROGRAM HARI KO-KURIKULUM KEMERDEKAAN DAN SEMUA STAF KUKUM YANG TERLIBAT DALAM MENJAYAKAN PROGRAM INI.

SAYA SUDAH DENGAN UCAPAN WABILLAH HITAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAH HIWABARAKATUH.

